

NAMA JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
		MINIMUM	MAKSIMUM	
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 [Tetap]	1	RM1,797.00	RM5,753.00	RM145.00

\* Jadual gaji di atas tidak termasuk :

1. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) – RM160.00
2. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) – RM300.00
3. Bantuan Sara Hidup (BSH) – RM300.00

#### **KELAYAKAN LANTIKAN:**

#### **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 [TETAP]**

#### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1,797.00).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

#### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.